

Raja-Raja Melayu bincang syor PM

Pertemuan khas dijangka hari ini, rakyat diminta tak cetus spekulasi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Raja-Raja Melayu dijangka mengadakan pertemuan khas di Istana Negara hari ini bagi membincangkan cadangan yang dikemukakan Tan Sri Muhyiddin Yasin kepada Yang di-Pertuan Agong, kelmarin.

Pada pertemuan berkenaan, Raja-Raja Melayu dijangka memperincikan segala syor dibentangkan Perdana Menteri ketika beliau menghadap Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Abdul Aziz di Indera Mahkota, Kuantan.

Berdasarkan gambar tular sejak malam kelmarin, beberapa Menteri Kabinet turut kelihatan mengiringi Muhyiddin ke Istana Abdul Aziz, bersama Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang; Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurut sumber, pertemuan khas Raja-Raja Melayu bagi mem-

bincang dan memperincikan syor dikemukakan Perdana Menteri itu, dijangka diadakan pada petang hari ini.

Istana Negara dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan Al-Sultan Abdullah berkenan mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu pada masa terdekat bagi membincangkan dan memperhalusi cadangan yang dikemukakan Muhyiddin.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong pada jam 5

petang kelmarin.

Pada pertemuan kira-kira satu setengah jam itu, katanya, Muhyiddin mempersembahkan taklimat kepada Al-Sultan Abdullah mengenai cadangan yang dicapai pada Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada mesyuarat khas di Putrajaya pada pagi Jumaat.

"Al-Sultan Abdullah memahami keperluan kelangsungan pentadbiran negara untuk memerangi ancaman COVID-19. Malah, baginda turut prihatin terhadap kegelisahan dan kekusaran rakyat ekoran perkembangan terkini.

"Oleh yang demikian dan su-

sulan sesi menghadap semalam (kelmarin), Al-Sultan Abdullah berkenan mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu di Istana Negara pada masa terdekat bagi membincang dan memperhalusi cadangan dikemukakan Muhyiddin," katanya.

Beliau berkata, Al-Sultan Abdullah menasihati rakyat supaya bertenang, tidak panik dan bersabar dalam menghadapi situasi terkini sementara menunggu keputusan mengenai cadangan dibentangkan Perdana Menteri itu.

Baginda juga, katanya, turut menasihati rakyat supaya tidak

mencetuskan spekulasi yang boleh menimbulkan kekeliruan, keresahan serta menggugat ketenteraman negara.

Kenyataan itu tidak memperincikan butiran cadangan dibentangkan oleh Perdana Menteri kepada Seri Paduka.

Namun, spekulasi yang tercetus mengandaikan ia antara lain adalah syor kerajaan untuk melaksanakan darurat atau prorog Parlimen. Prorog adalah pemberhentian atau penggantungan sidang Dewan Rakyat dalam tempoh enam bulan dari tarikh akhir persidangan terdahulu.

Pakar Perlembagaan menjelaskan, prorog boleh dilaksanakan mengikut Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan kestabilan politik serta keselamatan negara.

Menurut Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, pengisytiharan darurat mengikut Perkara 150 oleh Seri Paduka pula mampu meletakkan kestabilan politik kepada negara dan kerajaan sedia ada boleh berfungsi seperti biasa.



Al-Sultan Abdullah bersama Muhyiddin dan Menteri Kabinet pada pertemuan di Istana Abdul Aziz, Kuantan, kelmarin.

Seri Paduka minta rakyat disiplin patuh SOP

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengulangi nasihat agar rakyat memainkan peranan dan berdisiplin mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam memerangi pandemik COVID-19.

Baginda juga meminta rakyat mematuhi tatacara amalan norma baharu susulan peningkatan mendadak kes positif harian COVID-19 dan kewujudan beberapa kluster baharu.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin dalam satu kenyataan semalam, berkata Seri Paduka menegaskan, peranan dan disiplin rakyat penting dalam membantu pihak berkuasa memerangi COVID-19.

"Al-Sultan Abdullah mengajak seluruh rakyat bersama baginda berdoa semoga Malaysia dirahmati dan penularan COVID-19 ini dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri dengan segera," katanya.

Rundingan bukti ketelitian Agong

Kuala Lumpur: Langkah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu sebelum membuat sebarang keputusan penting, menggambarkan ketelitian Seri Paduka.

Pakar Perlembagaan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Muhammad Fathi Yusof, berkata mengikut Perlembagaan Persekutuan, tiada kewajipan untuk Seri Paduka bertindak sedemikian.

"Bagaimanapun (tindakan) itu menggambarkan ketelitian baginda sebab benda (isu) ini besar dan Raja-Raja Melayu sering menggunakan pendekatan bermesyuarat dalam membuat keputusan.

"Jadi, tradisi itu diteruskan dan dalam situasi yang kita ada sekarang ini, langkah yang dilaksanakan Yang di-Pertuan Agong itu (sangat) tepat," kata-

Tiada kewajipan (untuk panggil Raja-Raja Melayu), cumanya dalam Perlembagaan sebut, Yang di-Pertuan Agong boleh minta pandangan Majlis Raja-Raja untuk lakukan keputusan.

Muhammad Fathi Yusof, Pakar Perlembagaan dari UTM

nya kepada BERNAMA. Jelas Muhammad Fathi, sebarang keputusan membabitkan kepentingan negara tidak boleh dilakukan secara terburu-buru, sebaliknya perlu berhati-hati dan berhemah.

"Tiada kewajipan (untuk memanggil Raja-Raja Melayu), cumanya dalam Perlembagaan sebut, Yang di-Pertuan Agong boleh meminta pandangan daripada Majlis Raja-Raja untuk (melakukan) apa-apa keputusan.

"Maknanya, tidak ada satu (peraturan) bawah Perkara 150 (Perlembagaan Persekutuan), mesti ada kelulusan Majlis Raja-Raja. Tetapi itu yang saya katakan tadi, tradisi Raja-Raja Melayu kita mengutamakan syura atau musyawarah dalam membuat keputusan," katanya.